

06 MAY 1998

Sulaiman-Perdagangan

SYARIKAT PERNIAGAAN DICADANG KENDALI PERDAGANGAN TUKAR BARANG

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Kerajaan, hari ini mencadangkan sebuah syarikat perniagaan ditubuhkan dengan segera untuk memulakan perdagangan tukar barang dengan Myanmar

Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud berkata, cadangan untuk menubuhkan syarikat itu ditimbulkan selepas beliau memberitahu Kabinet bahawa sebuah syarikat perikanan di Myanmar telah menawarkan untuk menjual tangkapan kepada Malaysia sebagai balasan untuk barangan seperti bahan binaan, seramik dan produk minyak sawit.

Kementerian sedang mengkaji cadangan perdagangan barter itu dan sektor swasta tempatan juga akan terbabit dalam penubuhan syarikat perniagaan itu, katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Sektor swasta yang mengiringi beliau ke Myanmar bulan lepas telah mengadakan perbincangan mengenai perkara itu dengan rakan kongsi masing-masing di negara itu, dan para pegawai Kementerian akan membuat tindakan susulan berhubung perkara itu.

"Perdagangan tukar barang ataupun barter akan membolehkan Malaysia menjual produk-produknya dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah mengemukakan idea itu," katanya.

Sidang Kemuncak tidak rasmi Asean yang diadakan di sini Disember lepas telah memberi sokongan kepada para anggotanya untuk menjalankan perniagaan dalam mata wang rantau ini untuk menimbalkan peningkatan nilai dollar AS dan menerokai perniagaan barter.

Dr Sulaiman juga berkata bahawa syarikat-syarikat perikanan di Myanmar telah menawarkan untuk menjual ikan mereka secara langsung kepada Malaysia bagi mengurangkan kos mengimport ikan dari Myanmar menerusi pihak ketiga.

Kerajaan Myanmar juga bersedia untuk bertolak ansur dalam dasar pertaniannya terhadap syarikat-syarikat Malaysia terutama dalam bidang pajakan. Kerajaan Myanmar telah menawarkan US\$8 (US\$1=RM3.6) bagi setiap hektar setahun.

Beliau juga berkata bahawa kerajaan Myanmar sedia menjual kerbau dan kambing kepada Malaysia. Negara itu juga menawarkan untuk menyediakan 5,000 tan jagung pada "harga rakan" untuk membantu mengurangkan kos pengeluaran ayam di negara ini.

Beberapa negeri seperti Johor, Selangor, Pahang dan Sarawak telah menunjukkan minat untuk menanam benih jagung import yang boleh mengeluarkan antara lapan dan 10 tan setiap hektar.

Dr Sulaiman juga berkata, Bernas, pengimport utama beras di negara ini akan mula mengimport beras dari Myanmar untuk meningkatkan stoknya.

Bernas akan menjalankan usaha-usaha mempromosi beras itu dan pada masa ini Bernas mempunyai 339,000 tan beras dalam simpanan stoknya.

-- BERNAMA

ARA RHM PR